

Date and Time: Sunday, 15 February 2026 11:26□ pm +08

Job Number: 275786249

Document (1)

1. [Abadi Legasi Sdn Bhd lwn Hageem bin Hermy \[2025\] MLJU 3248](#)

Client/Matter: -None-



ABADI LEGASI SDN BHD v HAQEEM BIN HERMY

CaseAnalysis
| [2025] MLJU 3248

[Abadi Legasi Sdn Bhd Iwn Hageem bin Hermy \[2025\] MLJU 3248](#)

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM)

ROZI BAINON PK

GUAMAN SIVIL NO BA-22NCvC-264-07 TAHUN 2021

9 October 2025

Alex Gan Yi Yang (Vilasiny Gannasen bersamanya) (Vilasiny Gannasen & Co) bagi pihak plaintif.

Nor Mohd Syazwan Hasim (Azzan Aznan bersamanya) (Syazwan Hasim & Azeel Eskandar) bagi pihak defendan.

Lau Yi Leong (Sukhraj bersamanya) menyebut bagi pihak (Syazwan Hasim & Azeel Eskandar) bagi pihak defendan.

Rozi Bainon PK:

ALASAN PENGHAKIMAN

Pengenalan

[1] Berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan pada 27-11-2023 yang memerintahkan Mahkamah ini (Mahkamah bicara) untuk mengira taksiran ganti rugi khas, maka suatu perbicaraan penuh selama 3 hari telah diadakan melalui keterangan saksi-saksi dan dokumen yang dikemukakan oleh Plaintiff.

Mahkamah ini juga telah mendapatkan klarifikasi peguam-peguam (Defendan diwakili oleh Mr. Lau, yang MOB bagi peguam Defendan) berkenaan dengan hujahan.

[2] Dalam perenggan 33 pernyataan tuntutan terpinda, Plaintiff menuntut terhadap Defendan jumlah sebanyak RM613,950.00 bagi kos ditanggung Plaintiff dalam membina Defendan.

Hal perkara mengenai “membina” Defendan ialah mengenai kerja- kerja yang dilakukan oleh Plaintiff untuk promosi dan pemasaran Defendan sebagai artis. Kos yang ditanggung oleh Plaintiff ialah kos bagi pengaturan, pengurusan drama untuk Defendan; kos bagi pengaturan, pengurusan projek untuk Defendan; kos bagi pemasaran gambar Defendan; kos dalam pemasaran video Defendan; kos bagi pengaturan, pengurusan, penyuntingan dan pemasaran video “Lagenda Budak Kolej” di sosial media; dan kos ditanggung bagi pelantikan peguam Plaintiff untuk mengekalkan nama baik Defendan.

[3] Selepas meneliti keterangan yang dikemukakan di hadapan Mahkamah ini, atas imbalan kebarangkalian, taksiran ganti rugi khas yang berikut sahaja dibenarkan:

“1. Taksiran gantirugi khas tuntutan Plaintiff terhadap Defendan sebanyak RM613,950.00 adalah dibenarkan sebahagian iaitu berjumlah RM388,520.00 dengan butir-butir seperti berikut:

- 1 RM5,360.00 dan RM23,850.00 bagi kos pengaturan, pengurusan drama dan projek untuk Defendan;
- 2 RM199,310.00 iaitu 70% dari kos pemasaran video yang berjumlah RM93,300.00 dan RM120,000.00;

3. 3 RM210,000.00 iaitu 70% dari kos pengaturan, pengurusan, penyuntingan dan pemasaran video “Legenda Budak Kolej” di Social Media;
4. 4 Tuntutan petty cash voucher MIG Pictures yang berjumlah RM21,440.00 ditolak; dan
5. 5 Kos sebanyak RM50,000.00 yang ditanggung bagi pelantikan peguam Plaintiff untuk mengekalkan nama baik Defendan adalah ditolak.

2. Faedah ke atas gantirugi khas RM388,520.00 pada kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman ini sehingga tarikh penyelesaian penuh.

3. Bahawa kos tindakan sebanyak RM25,000.00 dibenarkan untuk dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff.”

[2] Defendan tidak berpuas hati dengan keputusan taksiran Ganti rugi Khas ini merayu ke Mahkamah Rayuan.

Hujahan bertulis Defendan:

[3] Peguam cara terpelajar Defendan menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Rayuan telah membenarkan sebahagian rayuan dan antara lainnya memutuskan seperti berikut:

- (a) Rayuan Perayu dibenarkan berhubung liabiliti dengan kos sebanyak RM15,000.00 di sini dan di bawah dan tertakluk kepada fi alokatur;
- (b) Keputusan Mahkamah Tinggi berkenaan perlanggaran atau pemecahan kontrak adalah khilaf dan diketepikan;
- (c) Kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk gantirugi khas sebanyak RM613,950.00 ditaksirkan semula;
- (d) Mahkamah mengetepikan perintah Mahkamah Tinggi yang mengarahkan Plaintiff untuk bayar bayaran tertunggak sebanyak RM30,240.00 kepada Defendan;
- (e) Keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang menolak gantirugi sebanyak RM401,000.00 adalah dikekalkan.

[4] Plaintiff seterusnya telah membawa semula kes ini ke Mahkamah Tinggi yang sama bagi pentaksiran jumlah gantirugi khas berjumlah sebanyak RM613,950.00.

Peguam cara terpelajar Defendan menyatakan bahawa Plaintiff telahpun mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan tuntutan berjumlah RM613,950.00 semasa perbicaraan penuh yang lalu. Defendan percaya bahawa Mahkamah ini, melalui keputusanyang menolak keseluruhan tuntutan Plaintiff, secara tidak langsung telah turut menolak asas-asas tuntutan tersebut.

Walaubagaimanapun, bagi tujuan pentaksiran, Defendan tetap akan berhujah bahawa pada asasnya Plaintiff sepanjang perbicaraan taksiran dijalankan sekali lagi gagal membuktikan kerugian yang kononnya dialami oleh Plaintiff sebanyak RM613,950.00.

[5] Peguam cara terpelajar Defendan telah merujuk prinsip undang- undang kes berkaitan taksiran ganti rugi dan beban pembuktian Ganti rugi Khas iaitu –

- keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ong Ah Long v. Dr S Underwood* [1983] CLJ Rep 300
- *Datuk Mohd Ali Hj Abdul Majid & Anor v. Public Bank Bhd* [2014] 6 CLJ 269
- *Damansara Realty (Pahang) Sdn Bhd v. OM Cahaya Mineral Asia Bhd & Another Appeal* [2021] 5 CLJ 283

[6] Isu yang dibangkitkan oleh pihak Defendan untuk menegaskan bahawa Plaintiff tidak layak dan/atau berhak kepada Ganti rugi Khas adalah kerana –

- (a) keseluruhan Tuntutan Kerja-Kerja Yang Dilakukan Berkaitan Promosi dan Pemasaran Merupakan Tanggungjawab Plaintiff sebagaimana klausa 5.1 Perjanjian Pengurusan.
- (b) Pihak Plaintiff juga mempunyai bahagian sebanyak 30% seperti mana peruntukan klausa 3.3 dan 3.4 Perjanjian Pengurusan daripada jumlah fi aktiviti Defendan yang diterima daripada Pihak Ketiga.
- (c) tuntutan Plaintiff adalah satu tuntutan tidak munasabah dan bersifat fikiran terkemudian (*afterthought*) memandangkan pada setiap masa yang material Plaintiff bertanggungjawab untuk menanggung kos-kos pemasaran dan promosi yang melibatkan aktiviti Defendan.

- (d) tuntutan Plaintiff adalah jelas bertujuan untuk mengkayakan diri secara tidak adil (*unjustly enriched*) dan membawa tuntutan melebihi tanggungjawab di dalam Perjanjian Pengurusan tersebut yang mana ianya jelas menjadi tanggungjawab Plaintiff untuk mempromosikan Defendan apatah lagi sepanjang Defendan berada di bawah pengurusan Plaintiff, Plaintiff telah memperoleh keuntungan melalui pembahagian antara kedua-dua pihak.
- (e) dokumen dan keterangan saksi yang dikemukakan di Mahkamah adalah meragukan dan tidak menyokong tuntutan Plaintiff.
- (f) En Jason Teoh iaitu Saksi Pertama Plaintiff (SP-1) seorang pengurus projek kepada Plaintiff yang bukan individu yang mengendalikan perakaunan Plaintiff dan jadual yang dikemukakan telah disediakan oleh pihak akauntan Plaintiff.
- (g) Keterangan SP-1 jelas menunjukkan kesemua dokumen yang kononnya dikemukakan bagi membuktikan kos-kos yang dikeluarkan oleh Plaintiff bukanlah disediakan oleh SP-1 dan SP-1 sendiri tidak boleh memberikan keterangan terperinci bagaimana dokumen-dokumen yang dikemukakan menyokong keseluruhan tuntutan Plaintiff apatah lagi ianya dokumen-dokumen yang meragukan dan seolah-olah direka bagi menuntut secara tidak adil kepada Defendan.
- (h) hubungan antara Plaintiff, MIG Pictures Sdn Bhd dan MIG Beats adalah di bawah naungan pemilik yang sama iaitu En David Teoh iaitu pengarah dan pemegang saham terbesar Plaintiff.
- (i) Oleh yang demikian, peguam cara terpelajar Defendan berhujah agar Mahkamah ini perlu berhati-hati dalam meneliti dokumen-dokumen ini yang meragukan dan memerlukan penelitian secara terperinci oleh Mahkamah. Pemilikan entiti- entiti ini menimbulkan persoalan serius tentang ketelusan transaksi, kemungkinan berlaku manipulasi pembayaran rentas syarikat (*inter-company transfers*), serta niat sebenar di sebalik pembentukan bukti pembayaran tersebut.
- (j) Berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan, jelas menunjukkan tiada sebarang bukti pembayaran dibuat oleh Plaintiff kepada mana-mana pihak ketiga, melalui pembayaran secara kontra yang mana dokumen kontra ini tidak pernah dikemukakan di Mahkamah yang Mulia ini.
- (k) Tambahan pula, Defendan tidak pernah dimaklumkan berkenaan sebarang urusan pembayaran kontra di antara Plaintiff dengan pihak ketiga seperti MIG Beats Sdn Bhd. Tiada sebarang dokumen perjanjian yang mengesahkan adanya persetujuan Defendan terhadap kaedah bayaran sedemikian. Oleh itu, pembayaran kontra (sekiranya dibuktikan) ini dilakukan tanpa pengetahuan atau persetujuan Defendan, dan ianya tidak wajar dijadikan asas tuntutan terhadap Defendan.
- (l) Saksi Kedua Plaintiff (SP-2) iaitu seorang auditor bebas yang dilantik oleh Plaintiff untuk menyediakan laporan kewangan Plaintiff juga semasa pemeriksaan balas turut bersetuju bahawa tiada bukti pembayaran yang dikemukakan oleh Plaintiff bagi menunjukkan bahawa Plaintiff telah membuat sebarang pembayaran kepada MIG Pictures Sdn Bhd. Tiada juga resit yang dikeluarkan oleh MIG Pictures bagi mengesahkan penerimaan pembayaran tersebut.
- (m) Malahan, SP-2 mengakui bahawa beliau tidak mengetahui sama ada Plaintiff telah mengarahkan MIG Beats Sdn Bhd untuk membayar hutang Plaintiff kepada MIG Pictures Sdn Bhd. Tiada sebarang bukti dokumen atau perjanjian dikemukakan bagi menyokong kewujudan mekanisme pembayaran kontra antara Plaintiff dan MIG Beats.
- (n) Transaksi pembayaran tersebut menimbulkan persoalan tentang kesahihan tuntutan Ganti rugi Khas ini, memandangkan tidak ada bukti dokumentari yang mencukupi untuk mengaitkan pembayaran tersebut dengan obligasi kontraktual antara Plaintiff dan Defendan. Kegagalan Plaintiff untuk mengikuti amalan perakaunan yang lazim dan diterima umum tidak boleh diterima oleh Mahkamah ini.
- (o) tuntutan berdasarkan invoice semata-mata dan tanpa sebarang bukti pembayaran adalah tidak memadai untuk melepaskan beban pembuktian bagi tuntutan ganti rugi.
- (p) Ketiadaan rekod lengkap yang menggambarkan aliran dana secara telus dan teratur adalah bertentangan dengan prinsip perakaunan asas seperti *matching principle*, *accrual accounting*, dan keperluan dokumentasi dalam transaksi antara syarikat berkaitan sekaligus menimbulkan keraguan terhadap dokumen-dokumen yang telah dikemukakan.
- (q) Peguam cara terpelajar Defendan membawa perhatian Mahkamah ini bahawa Plaintiff telah mengemukakan invoice- invoice baharu yang kononnya selari dengan dokumen yang dikemukakan semasa perbicaraan tindakan utama di hadapan Mahkamah ini. Terdapat penambahan yang sangat jelas pada

invois-invois baharu yang dikeluarkan oleh Plaintiff semasa perbicaraan taksiran iaitu dengan menambah pada bahagian bawah invois-invois tersebut pada bahagian “description of PR commitment”.


- (r) SP-1 semasa perbicaraan mengakui bahawa invois kedua tersebut dibuat adalah suatu invois yang diperbaiki (*enhanced*) bagi tujuan perbicaraan dan cuba berdolak dalik apabila diperiksa balas oleh peguamcara Defendan.
- (s) Keterangan SP-1 jelas tidak konsisten memandangkan pada awalnya memaklumkan kepada Mahkamah bahawa invois kedua yang berbeza tersebut telah di “enhance” bagi tujuan tuntutan di Mahkamah.
- (t) Keterangan SP-3 yang hadir bagi pihak MIG Pictures menyatakan terdapat dua invois berbeza yang disediakan yang mana jelas ianya adalah perkara yang janggal untuk diterima oleh Mahkamah ini. Apatah lagi sekiranya dokumen invois yang telah di “enhance” ini wujud, ianya telah dikemukakan lebih awal semasa perbicaraan penuh dan bukannya semasa bicara taksiran ganti rugi.
- (u) Petty Cash Voucher MIG Pictures yang tiada kaitan dengan Invois adalah tuntutan daripada Hazmie kepada MIG Pictures tanpa menunjukkan sebarang perkaitan dengan invois-invois yang dikemukakan dan/atau perkaitan dengan Plaintiff dan/atau perkaitan dengan Defendan.
- (v) Plaintiff menuntut bayaran daripada Defendan bagi kos-kos yang tidak diperuntukkan untuk Defendan seperti kos pengangkutan, makan minum, majlis doa selamat dan lain- lain. Semasa pemeriksaan balas, SP-3 bersetuju bahawa kos-kos tersebut tidak disediakan khusus untuk Defendan. Tiada sebarang bukti sokongan seperti gambar, resit, dokumen pengesahan, atau sebarang bentuk pengesahan objektif dikemukakan oleh Plaintiff untuk membuktikan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut, melainkan hanya berdasarkan invois dan baucar tunai (petty cash) yang dikeluarkan oleh pihak MIG Picture Sdn Bhd kepada Plaintiff.
- (w) kos-kos yang ditanggung bagi pemasaran gambar-gambar dan video-video Defendan berjumlah RM236,850.00 berdasarkan invois ini adalah tidak teratur, tidak benar dan direka-reka.
- (x) Peguam cara terpelajar Defendan menegaskan bahawa TIADA BUKTI bayaran yang jelas/konkrit dikemukakan di Mahkamah untuk menunjukkan bahawa Plaintiff telah pun menanggung bayaran-bayaran tersebut.

Penilaian dan Dapatan Mahkamah


[7] Keputusan Mahkamah Rayuan mendapati bahawa keputusan Mahkamah Tinggi ini adalah khilaf dan diketepikan berkenaan dengan pelanggaran/kemungkiran/pemecahan kontrak antara Plaintiff dan Defendan. Oleh itu, kes ini dikembalikan ke Mahkamah Tinggi yang sama dan ditugaskan untuk menaksir ganti rugi khas sebanyak RM613,950.00.

[8] Dalam menilai keterangan di hadapan Mahkamah ini bagi perbicaraan taksiran Ganti rugi Khas, pihak Plaintiff mempunyai beban untuk membuktikan bahawa jumlah tuntutan Ganti rugi Khas sebanyak RM613,950.00 bagi kos ditanggung Plaintiff.

[9] Bagi tujuan taksiran, peguam cara terpelajar Plaintiff bergantung kepada prinsip undang-undang yang berikut (disalin semula dalam bahasa asal hujahan bertulis):

“(1) The assessment of damages or compensation is not an exact science. At times, it cannot be asceratined with absolute certainty using any mathematical formula. However, where it is clear that the Plaintiff has suffered substantial loss or damage, the fact the assessment of compensation or damages is difficult for some reasons, is no reason for not awarding it. See *Chaplin v Hicks* [1911] 2 KB 786  where Vaughan William LJ said as follows:

the fact that damages cannot be assessed with certainly does not relieve the wrongdoer of paying damages”.

(2) The purpose of damages is top at the injured party “in the same position as he would have been in if had not sustained the wrong for which he is now getting his compensation or reparation”. See the speech of Lord Blackburn in *Livingstone v Rawyards Coal Co* (1880) 5 App Cas 25  (HL). See also *Liew Choy Hung v Shah Alam Properties Sdn Bhd* [1997] 2 MLJ 309 in referring to the Judgement of Donaldson LJ in *Dodd Properties (Kent) Ltd & v Canterbury City Council & Ors* [1980] 1 All ER 928 (Tab D/PBOA).

It is a well-established legal principle that damages may be awarded to a party as monetary compensation for losses

suffered due to a breach of contract. In claiming damages, the Plaintiff must first demonstrate that the loss pleaded was caused by the Defendant's breach of contract. The Plaintiff refers to [Section 74\(1\)](#) of the [Contracts Act 1950](#)."

[10] Untuk memudahkan perbicaraan, peguam cara Plaintiff telah menyediakan suatu Schedule of Damages Assessment (rujuk Ikatan Dokumen B6 pada ms 25 to 29) yang memperincikan mengenai kerugian khas sebanyak RM613,950.00 tersebut.

[11] Tiga orang saksi Plaintiff telah memberikan keterangan masing-masing.

Alasan Plaintiff menuntut ganti rugi khas ini berpaksikan kepada sebab bahawa –

- (a) Costs incurred by the Plaintiff for the arrangement and management of dramas for the Defendant;
- (b) Costs incurred by the Plaintiff for the arrangement and management of projects for the Defendant;
- (c) Costs incurred by the Plaintiff in the marketing of the Defendant's photographs;
- (d) Costs incurred by the Plaintiff in the marketing of the Defendant's videos;
- (e) Costs incurred by the Plaintiff for marketing through a Instagram account and YouTube channel account;
- (f) Costs incurred by the Plaintiff for the arrangement, management, editing, and marketing of the video titled "Legenda Budak Kolej" on social media; dan
- (g) Costs incurred by the Plaintiff for the appointment of legal counsel to preserve the Defendant's reputation.

[12] Pihak Plaintiff telah menyediakan dan mengemukakan dokumen-dokumen untuk menyokong setiap kos yang dibelanjakan demi menguruskan dan memajukan Defendan sebagai artis untuk jangka masa panjang. Dokumen-dokumen merangkumi invoices, paparan/*postings* di sosial media seperti Facebook berkenaan dengan Defendan sama ada secara langsung atau tidak langsung mengenai kerjaya Defendan sebagai artis di bawah pengurusan Plaintiff.

[13] Secara ringkasnya, dokumen yang dikemukakan dalam perbicaraan adalah –

- Bundle A mukasurat 13 dan 14: Invoices yang dikeluarkan oleh MIG Pictures kepada Plaintiff.
- Bundle B2 mukasurat 258 hingga 260: perbelanjaan promosi.
- Bundle B3 mukasurat 30 hingga 43: foto dan/atau content yang berkaitan dengan Defendan yang dimuatnaik di dalam platform sosial media.
- Bundle B6 mukasurat 124 hingga 211: dokumen sokongan untuk menyokong perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Plaintiff.

[14] Mahkamah mendapati bahawa isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh peguam cara terpelajar mengenai pelanggaran/kemungkiran/pemecahan kontrak antara Plaintiff dan Defendan tidak wajar dibangkitkan dalam perbicaraan taksiran ganti rugi ini.

Tugas Mahkamah ialah untuk mendengar bicara taksiran ganti rugi iaitu kos perbelanjaan yang dimohon oleh Plaintiff untuk mempromosikan Defendan sebagai artis di bawah naungan dan pengurusan Plaintiff.

Dalam perbicaraan taksiran ganti rugi, sudah semestinya pihak Plaintiff memfokuskan kepada bukti apa-apa pembayaran dan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk dan bagi mempromosikan Defendan.

Dokumen yang ditunjukkan dan dikemukakan oleh Plaintiff dijilidkan dalam bentuk suatu jadual dan diikuti dengan butir-butir dokumen yang sedia ada dalam Ikatan Dokumen Bersama B6 di mana dokumen-dokumen disenaraikan sebagai Part C –

- Jadual Taksiran Ganti rugi sebanyak RM613,950.00 pada mukasurat 25-29.
- kos bagi pengaturan, pengurusan drama untuk Defendan iaitu dokumen petty cash voucher dan invoices pada mukasurat 30- 83.
- kos bagi pengaturan, pengurusan projek-projek (projek iklan, music video dll) untuk Defendan iaitu dokumen petty cash voucher dan invoices pada mukasurat 84-121.
- kos bagi pemasaran gambar-gambar Defendan iaitu dokumen invoices pada mukasurat 122-147.
- kos bagi pemasaran video-video Defendan iaitu dokumen invoices pada mukasurat 148-211.
- kos bagi pengaturan, pengurusan, penyuntingan & pemasaran video "Legenda Budak Kolej" di social media drama untuk Defendan iaitu dokumen invoices pada mukasurat 212-320.
- kos bagi pelantikan peguam untuk mengekalkan nama baik Defendan iaitu dokumen pada mukasurat 321.

[15] Dengan tersedianya semua dokumen yang dijilidkan dalam Ikatan Dokumen Bersama (B6), peguam cara terpelajar Defendan bertanya dan mencabar keterangan saksi-saksi Plaintiff dan merumuskan bahawa Plaintiff gagal membuktikan kos yang dibelanjakan dan ditanggung oleh Plaintiff untuk mempromosikan Defendan sebagaimana ditunjukkan pada Jadual Taksiran Ganti rugi.

Alasan peguam cara terpelajar Defendan ialah keterangan dokumen yang ada di hadapan Mahkamah ini semata-mata invois dan tiada bukti secara langsung menunjukkan bayaran melalui invois MIG Pictures Sdn Bhd itu dibuat kepada Plaintiff.

[16] Jawapan kepada persoalan itu diperoleh melalui penjelasan saksi Plaintiff (SP-1) di mana “konsep” atau “kaedah” set-off digunapakai bagi pembayaran invois-invois tersebut. Ini dinyatakan seperti berikut:

“This is because MIG Pictures Sdn Bhd and the Plaintiff are subsidiary companies with various business dealings between them. Accordingly, income and expenses are settled through a set-off method between MIG Pictures Sdn Bhd through Plaintiff’s other subsidiary companies such as MIG Beats Sdn Bhd and the Plaintiff, and this also applies to the invoices issued for promotional costs.

This was confirmed by the Plaintiff’s representative witness, PW1 when questioned during trial. He further explained that this was part of their internal arrangement.

In addition, the expenses incurred by the Plaintiff were also verified by the Plaintiff’s expert witness, PW3 who stated that such arrangements are common business practice, particularly among related or group companies and are valid as long as they are properly documented and recorded. In this case, the transactions were indeed properly recorded and supported by documents, allowing PW3 to carry out his verification through his report, as detailed in Exhibit SA-2 of his affidavit marked as Enclosure 109/P13(A).”.

[17] Sebagaimana peruntukan [seksyen 101 Akta Keterangan 1950](#) mengenai “Burden of proof”, Mahkamah ini mendapati tuntutan ganti rugi khas bagi kos-kos perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Plaintiff bagi tujuan mempromosikan dan membina Defendan sebagai artis Plaintiff telah dilunaskan melauai pengemukaan invois, keterangan saksi dan kemunasabahan caj-caj yang dikenakan.

[18] Peguam cara terpelajar Defendan membangkitkan isu bahawa dokumen yang ditunjukkan dan dikemukakan dalam perbicaraan taksiran ini ditambahbaik dan ditingkatkan oleh Plaintiff demi mendapatkan ganti rugi khas tersebut.

Mahkamah ini tidak bersetuju. Ini kerana jumlah keseluruhan ganti rugi khas yang dituntut ialah sebanyak RM613,950.00 dan tiada apa-apa peningkatan jumlah tersebut.

Dokumen-dokumen yang disediakan bagi perbicaraan ini bukanlah suatu dokumen palsu atau rekaan oleh Plaintiff. Dokumen-dokumen tersebut diperincikan dan dijelaskan oleh setiap saksi Plaintiff khususnya SP-1.

[19] Penafian oleh Defendan kepada semua kos yang ditanggung oleh Plaintiff seperti dalam Jadual Taksiran Ganti rugi perlulah dan hendaklah dibuktikan oleh Defendan dan saksi-saksinya yang disokong dengan dokumen Defendan. Di sini, tiada apa-apa dokumen Defendan disediakan, ditunjukkan dan dikemukakan untuk mengakas dokumen Plaintiff. Tiada saksi lain dipanggil untuk merekodkan bahawa tiada apa- apa kos dibelanjakan untuk Defendan. Mahkamah hanya mendengar keterangan Defendan sendiri yang mana jawapan Defendan sama sekali gagal menangkis keterangan pihak Plaintiff.

Pihak Defendan gagal untuk membuktikan butiran fakta di bawah [seksyen 103 Akta Keterangan 1950](#) dan [seksyen 106](#) Akta yang sama untuk membuktikan fakta yang dalam pengetahuan khusus Defendan.

Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam cara terpelajar Plaintiff iaitu –

“Since the Defendant alleges that the charges are unreasonable, he bears the responsibility to substantiate this claim. Yet, his argument remains a bare denial, unsupported by any documents or evidence. His failure to present any independent assessment or market comparison renders his allegation speculative and without probative value.”.

[20] Mahkamah Rayuan dalam kes *Sambaga Valli a/p K.R Ponnusamy v. Datuk Bandar Kuala Lumpur & 2 Ors and Datuk Bandar Kuala Lumpur & 2 Ors v. Sambaga Valli a/p K.R Ponnusamy* [2017] 1 LNS 500, YA Dato' Zawawi Salleh, dirujuk untuk memandu Mahkamah dalam memutuskan mengenai taksiran ganti rugi. Beberapa perenggan yang berkaitan adalah dirujuk –

“[10] *Secondly, it is fundamental and trite that a plaintiff claiming damages must prove his damage. A plaintiff cannot simply make a claim without placing before the Court sufficient evidence of the loss it has suffered even if it is otherwise entitled in principle to recover damages. The law, however, does not demand that the plaintiff prove with complete certainty the exact amount of damage that he has suffered. Thus, the learned author of **McGregor on Damages** states as follows (at para 8-002):*

*“[W]here it is clear that some substantial loss has been incurred, the fact that an assessment is difficult because of the nature of the damage is no reason for awarding no damages or merely nominal damages. As Vaughan William L.J put in in *Chaplin v. Hick* [1911] 2 KB 786 [1], the leading case on the issue of certainty: “The fact that damages cannot be assessed with certainty does not relieve the wrongdoer of the necessity of paying damages.”. Indeed, if absolute certainty were required as to the precise amount of loss that the claimant had suffered no damages would be recovered at all in the great number of cases. This is particularly true since so much of damages claimed are in respect of prospective, and therefore necessarily contingent, loss.”. (emphasis added).*

[11] *Thirdly, the assessment of damages in action in this nature does not admit of fixed rules and mathematical precision, but is a matter left to the sound discretion to the judges. The courts refuse to lay down any rules or mathematical formula by which such damages are to be assessed by judges. The fairness and reasonableness of the award cannot be subjected to any recognised test or measure by any certain standard. If the award is manifestly inadequate or excessive, or there are indications that the award was influenced by improper considerations or the mistake was too plain, the appellate court should not hesitate to remedy the trial court's error. All the courts should do are to award sums which is reasonable, moderate and conventional.*

Special Damages

[18] *Special damages, according Lord Macnaghten in the oft- cited case of *Storms v. Hutchison* [1905] AC 515 [1] at 525-526, HL(SC): “... are such as the law will not infer from the nature of the act. They do not follow in ordinary cause. They are exceptional in character and therefore they must be claimed specially and proved strictly.”.*

[19] *Indeed, because of their peculiar nature, the law required a plaintiff to give warning in his pleadings of the items constituting his claim for special damages with sufficient specificity in order that there may be no surprise at the trial. (See *Ong Ah Long v. Dr. S Underwood* [1983] 2 MLJ 324).”.*

[21] Dalam kes *Chang Hang Guan & Ors. V. Perumahan Falim (Penang) Sdn Bhd* [1994] 1 CLJ 19, Edgar Joseph Jr held–

“When a plaintiff claims damages from a defendant, he has to show that the loss in respect of which he claims damages was caused by the defendant's wrong and also that the damages are not too remote to be recoverable. Where precise evidence is obtainable, the court naturally expects to have it, where it is not, the court must do the best it can. General difficulty of proof does not dispense with the necessity for proof.”.

[22] Mahkamah ini dalam perbicaraan tuntutan mendapati seorang saksi iaitu Puan Norhafizah binti Hamid, mantan *public relation officer* kepada Defendan adalah saksi yang paling rapat dengan Defendan khususnya mengenai pengaturan dan pengurusan aktiviti Defendan sebagai artis syarikat Plaintiff. Namun bagi prosiding perbicaraan taksiran ganti rugi, Puan Norhafizah tidak dipanggil dan tiada saksi lain mahupun dokumen Defendan untuk membantu pihak Defendan menangkis keterangan pihak Plaintiff.

[23] Dalam kes *Rohaniah bt Mohd Nor (sebagai wakil kepada harta pusaka Arwah Mohd Nor bin Hassan) dan satu lagi lwn Nazeri bin Mohd Nasir dan lain-lain* [2023] MLJU 2031, dinyatakan bahawa –

“[12] Apa yang jelas taksiran ganti rugi bukan sekadar hanya merupakan pengiraan jumlah atau angka yang perlu dijelaskan kepada Plaintiff. Sebaliknya, ia perlu mengambil kira prinsip- prinsip yang telah digariskan untuk pengurangan ganti rugi dan keterpencilan kerugian. Ia membawa maksud Mahkamah perlu meneliti keterangan-keterangan yang membolehkan taksiran yang sewajarnya dilakukan. Oleh sebab itu Aturan 37 KKM 2012 memberi peluang kepada pihak-

pihak untuk mengemukakan saksi-saksi semasa pendengaran taksiran ganti rugi, hatta saksi saksi yang telah memberi keterangan semasa perbicaraan boleh dipanggil untuk tujuan taksiran ganti rugi. Ia bagi membolehkan Mahkamah diberi peluang meneliti keterangan-keterangan tersebut bagi menentukan jumlah ganti rugi.

[13] Oleh itu, Mahkamah tidak wajar hanya menumpukan kepada jumlah ganti rugi yang ditunjukkan kepada angka-angka ganti rugi dengan mengetepikan prinsip-prinsip yang perlu dipertimbangkan semasa taksiran ganti rugi. Mahkamah juga perlu mengambil kira bahawa Plaintiff berkewajipan untuk membuktikan ganti rugi yang dituntut.”

Dalam kes ini, Defendan sendiri telah memilih untuk tidak menggunakan haknya di bawah Aturan 37 KKM 2012.

[24] Selepas meneliti keterangan yang dikemukakan di hadapan Mahkamah ini, taksiran ganti rugi khas yang berikut sahaja dibenarkan:

- (a) kos bagi pengaturan, pengurusan drama dan projek untuk Defendan sebanyak RM5,360.00 dan RM23,850.00.
- (b) Mahkamah ini menolak tuntutan petty cash voucher MIG Pictures yang berjumlah RM21,440.00.
- (c) kos dalam pemasaran video Defendan yang berjumlah RM93,300.00 dan RM120,000.00, Mahkamah memutuskan 30% kos adalah ditanggung oleh Plaintiff dan 70% lagi ditanggung oleh Defendan. Defendan hanya perlu membayar sebanyak RM149,310.00.
- (d) kos bagi pengaturan, pengurusan, penyuntingan dan pemasaran video “Legenda Budak Kolej” di sosial media, Mahkamah memutuskan 30% kos adalah ditanggung oleh Plaintiff dan 70% lagi ditanggung oleh Defendan. Defendan hanya perlu membayar sebanyak RM210,000.00.
- (e) kos sebanyak RM50,000.00 yang ditanggung bagi pelantikan peguam Plaintiff untuk mengekalkan nama baik Defendan adalah ditolak.

Maka, jumlah yang perlu dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff ialah RM388,520.00 sahaja. Faedah 5% setahun dari tarikh penghakiman ini hingga tarikh penyelesaian penuh.

Rumusan

[25] Berdasarkan penelitian Mahkamah ini selepas meneliti semua dokumen dan keterangan lisan dan dokumentar yang dibentangkan oleh pihak-pihak di hadapan Mahkamah ini, dan hujahan bertulis serta hujahan balasan pihak-pihak, Mahkamah ini mendapati, atasimbangan kebarangkalian, Plaintiff berjaya membuktikan tuntutan ganti rugi khas yang ditaksirkan sebanyak RM388,520.00 sahaja terhadap Defendan.